



**United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation**

# **Cadangan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di Malaysia**

**Untuk serahan kepada:**

**Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung  
dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya**

***"Anang Malaysia sebaka tebu, manis di pohon, tawar di hujung"***

(Janganlah Malaysia seperti tebu, manis di pangkal, semakin tawar di hujung

*\*Malaysia should not be like the sugar cane, sweet at the head and getting less and less sweet towards the end\*)*

Tun Jugah, 1961

**November 2011**

Copyright@UPKO - The United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation

## **SURAT**

**Kepada:**

**YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus J. Ongkili,  
Pengerusi,  
Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung dengan  
Penambahbaikan Proses Pilihan Raya,**

**Perkara:**

**Usul dan Cadangan Pertubuhan Pasok Momogun  
Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Berhubung  
Penambahbaikan Proses Pilihanraya**

Maklumbalas UPKO kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung dengan Proses Pilihan Raya dapat dirumuskan kepada 9 perkara utama. Cadangan UPKO adalah mewakili suara yang diperolehi dari peringkat akar umbi dan juga sesuai dengan kajian semasa berhubung isu-isu yang boleh di ambil kira untuk penambah baikan pilihanraya akan datang seperti berikut:

### ***Dasar Pembahagian 34% Kerusi Kepada Negeri-Negeri Borneo***

*UPKO mencadangkan, reformasi sistem pilihanraya ini hendaklah mempastikan agar semangat persetujuan dan jaminan semangat asal Perjanjian Malaysia teruatma sekali semasa Pembentukan Malaysia dipatuhi dan dihormati untuk mengukuhkan pembinaan negara bangsa. Jika sejarah adalah landasan pembentukan sebuah negara, menghormati sejarah adalah tiang pembinaan negara bangsa.*

*Diatas prinsip-prinsip tersebut, maka UPKO meminta supaya, 34% daripada kerusi-kerusi Dewan Rakyat hendaklah diberikan kepada Sabah dan Sarawak dengan agihan 40% untuk Sabah dan 60% untuk Sarawak.*

## ***Persempadan Kawasan Pilihanraya***

*Dalam urusan tatacara persempadan semula, UPKO berpendapat agar SPR benar-benar bebas dan berautonomi. Kearah mencapai matlamat tersebut, SPR hendaklah bertanggungjawab terus kepada Parlimen seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (SPRM).*

*Dalam penentuan persempadan semula berdasarkan jumlah pemilih, UPKO telah mendapati, fakta-fakta yang menunjukkan bahawa SPR sendiri tidak dapat mematuhi sepenuhnya kriteria-kriteria persempadan yang telah ditentukan sendiri oleh SPR seperti dalam Jadual 2.1. Penemuan ini menunjukkan bahawa kriteria yang telah digunakan oleh SPR adalah terlalu longgar dan perlu ditambah baik.*

*UPKO berpendapat, niat murni untuk memberikan "kesaksamaan" kepada rakyat berbilang kaum tidak harus disandarkan kepada bilangan pemilih semata-mata. Ini kerana, ketetapan atau kriteria yang SPR gunakan selama ini telah gagal mengambil kira saranan Suruhanjaya Cobbold dan persetujuan leluhur Perjanjian Malaysia bahawa faktor jumlah penduduk (pemilih) yang kecil bagi Sabah dan Sarawak sepatutnya bukan satu-satunya faktor untuk menentukan bilangan perwakilan di dua negeri ini. Kriteria yang digunakan oleh SPR adalah menggunakan faktor bilangan penduduk semata-mata dan ini bertentangan dengan perjanjian, prinsip dan semangat pembentukan Malaysia, sekaligus tidak adil kepada Sabah dan Sarawak.*

*UPKO mencadangkan, penambahan kerusi dan konsep kesaksamaan di sini harus menekankan faktor sejarah, saiz dan potensi negeri-negeri Borneo*

## ***Persempadan Sebagai Mekanisme Representasi Kaum***

*UPKO mencadangkan, supaya prosesi persempadan semula juga mengambil kira kumpulan-kumpulan etnik Anak Negeri dan Orang Asli di Semenanjung Malaysia hendaklah diwakili dalam Dewan Undangan Negeri dan dalam Dewan Rakyat. UPKO mengesyorkan agar keseimbangan perwakilan bumiputera Islam dan bukan Islam di Sabah dibaiki pada kadar yang lebih menggambarkan komposisi etnik Anak negeri Sabah seperti mana agihan kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah digunakan dalam Pilihanraya Umum tahun*

1976, 1981, 1985, 1986 dan 1990. Cadangan ini sebenarnya menyokong semangat berkongsi kuasa, satu semangat yang telah membawa negara ini mengharungi ranjau pasca kemerdekaan. Perkongsian kuasa harus ditunjukkan bukan setakat slogan.

### ***Undi Pos dan Pengundi Luar Negara***

UPKO mencadangkan, agar SPR menyusun semula proses pengundian secara pos. Isu yang sering dibangkitkan dalam pengundian pos ialah dari segi proses pembukaan peti undi di mana undi yang dihantar melalui pos hanya dilakukan selepas semua peti undi daripada Daerah-daerah mengundi dibuka. Berdasarkan kepada pilihan raya yang lepas ramai dikalangan rakyat yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan cara tersebut. Seakan-akan undian pos merupakan undian yang menentukan siapa yang akan memenangi sesuatu kawasan pilihanraya. Sehubungan dengan itu, UPKO mencadangkan supaya pembukaan peti undi melalui pos perlu dilakukan dengan tindakan berikut:

*Rekomendasi di atas perlu untuk memberikan jaminan bahawa undian secara pos tidak dilihat sebagai tidak telus. UPKO percaya pengundi-pengundi pos tidak ada niat untuk mencemar sistem pilihan raya dan SPR patut bertindak agar pengundi-pengundi pos juga berpuas hati dengan kesempatan mereka menunaikan kewajipan sebagai pengundi sama seperti orang lain.*

UPKO juga mencadangkan, pemilih berdaftar yang bekerja di luar negara tidak dinafikan hak mereka untuk mengundi Mengikut Fasal (1) (a), (b), (c), Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan mereka tidak hilang kelayakan sebagai pemilih dengan bekerja atau berada di luar negara.

UPKO juga mencadangkan istilah ***Undi Pos*** diubah kepada istilah yang lebih tepat dan sesuai. Istilah ***Undi Pos*** seolah-olah memberikan gambaran kesemua undi pos adalah diposkan walaupun amalan sebenarnya bukan demikian. Istilah yang dicadangkan ialah “***Undi Petugas SPR***” dan “***Undi Petugas Keselamatan – Tentera dan Polis***”

### ***Penggunaan Dakwat Kekal***

Tujuan utama cadangan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mengelakkan daripada kemungkinan seseorang pengundi mengundi lebih dari sekali di kawasan yang berlainan.

*Penggunaan dakwat kekal juga adalah satu kaedah yang memperkasakan lagi sistem pilihanraya di Negara serta mendukung prinsip ‘satu pemilih satu undi. Kaedah ini juga menggalakkan masyarakat membuktikan mereka telah menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara dalam sebuah Negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen.*

*Kaedah ini akan memberikan lapisan perlindungan tambahan kepada ketelusan sistem pilihanraya di samping penggunaan kad pengenalan. Mungkin ada sedikit penambahan kos dan kakitangan tetapi nilai kos tambahan ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan keyakinan masyarakat terhadap integriti dan kewibawaan institusi sistem pilihanraya. UPKO mencadangkan penggunaan dakwat kekal digunakan untuk menanda pengundi yang telah menunaikan kewajipan mengundi.*

### ***Tempoh Kempen***

*UPKO mencadangkan supaya tempoh pilihanraya ini ditetapkan dan tidak lagi diputuskan atas budibicara SPR. Tempoh berkempen selama 10 hari haruslah dimaktubkan dalam peraturan pilihanraya. Tempoh ini dikira sesuai selepas mengambil kira kemajuan teknologi maklumat, keperluan face-to face dengan pengundi serta mengambil kira masalah bebanan perbelanjaan khususnya untuk kawasan yang luas seperti Sabah dan Sarawak.*

### ***Akses kepada Media***

*UPKO mencadangkan supaya media diberikan kebebasan yang lebih tinggi untuk melakukan liputan secara adil. Berasaskan kepada prinsip kewartawanan dan media yang bertanggung jawab (accountable), UPKO juga mencadangkan, kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan mutu profesionalisme media aktor ini supaya liputan-liputan politik dapat mengajak rakyat untuk sama-sama memikirkan hala tuju Negara.*

### ***Daftar Pemilih***

*Pembersihan Daftar Pemilih sebenarnya adalah langkah kedua. Langkah pertama yang perlu dilakukan ialah **Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja** untuk menggali penderhakaan kepada negara ini sedalam-dalamnya agar kedaulatan negara ini tidak dilacurkan semata-mata untuk kepentingan peribadi.*

*Skop kerja Suruhanjaya ini termasuklah menyiasat kemurnian senarai pemilih dan juga mencadangkan kaedah pendaftaran pemilih yang telus dan sukar dimanipulasi.*

### ***Peningkatan Profesionalisme Anggota Keselamatan Agensi Penguatkuasa***

*UPKO mencadangkan anggota keselamatan dan agensi penguatkuasa perlu lebih kelihatan bebas. Anggapan semasa menunjukkan pihak-pihak ini dilihat bersikap berat sebelah sehingga menjelaskan keyakinan orang ramai terhadap profesionalisme mereka.*

Melalui 9 cadangan utama ini, UPKO berharap dapat menyumbang kepada Jawatankuasa YB Datuk Seri agar integriti dan kewibawaan pilihanraya di Negara ini boleh dibanggakan.

---

**(DATUK WILFRED M TANGAU)**  
Setiausaha Agung UPKO

# **KANDUNGAN**

<b>SURAT .....</b>	<b>2</b>
<b>KANDUNGAN.....</b>	<b>7</b>
<b>BAHAGIAN 1.....</b>	<b>9</b>
1. <i>DASAR 34% KEPADA NEGERI-NEGERI BORNEO.....</i>	<i>9</i>
1.1. <i>Pengenalan.....</i>	<i>9</i>
1.2. <i>Latarbelakang.....</i>	<i>9</i>
1.3. <i>Pilihanraya 1969 hingga 2008.....</i>	<i>11</i>
1.4. <i>Kegagalan Mengambil Kira "faktor Singapura" .....</i>	<i>12</i>
1.5. <i>Cadangan UPKO Kepada Dasar 34%.....</i>	<i>16</i>
<b>BAHAGIAN 2.....</b>	<b>18</b>
2. <i>PERSEMPADANAN KAWASAN PILIHANRAYA - BUKAN SEKADAR JUMLAH PENDUDUK .....</i>	<i>18</i>
2.1. <i>Pengenalan.....</i>	<i>18</i>
2.2. <i>Latar belakang aktiviti persempadan semula kawasan pilihanraya.....</i>	<i>18</i>
2.3. <i>Tatacara Persempadan .....</i>	<i>20</i>
2.4. <i>Cadangan UPKO keatas tatacara persempadan dan persempadan berdasarkan jumlah pemilih .....</i>	<i>21</i>
<b>BAHAGIAN 3.....</b>	<b>23</b>
3. <i>PERSEMPADANAN SEBAGAI ASAS REPRESENTASI KAUM .....</i>	<i>23</i>
3.1. <i>Pengenalan.....</i>	<i>23</i>
3.2. <i>Kepelbagaiannya kaum adalah kekuatan negara .....</i>	<i>23</i>
3.3. <i>Berlaku pengurangan sistematik kawasan-kawasan Etnik Bukan Islam di Sabah .....</i>	<i>24</i>
3.4. <i>Cadangan UPKO.....</i>	<i>25</i>
<b>BAHAGIAN 4.....</b>	<b>26</b>
4. <i>UNDI POS DAN PENGUNDI LUAR NEGARA .....</i>	<i>26</i>
4.1. <i>Pengenalan .....</i>	<i>26</i>
4.2. <i>Peraturan undi pos .....</i>	<i>26</i>
4.3. <i>Undi pos - pakai atau tidak pakai? .....</i>	<i>28</i>
4.4. <i>Cadangan UPKO berhubung undi pos dan pengundi luar negara.....</i>	<i>29</i>
<b>BAHAGIAN 5.....</b>	<b>31</b>
5. <i>PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL .....</i>	<i>31</i>
5.1. <i>Pengenalan .....</i>	<i>31</i>
5.2. <i>Pakai dakwat atau tidak? .....</i>	<i>31</i>
5.3. <i>Persoalan dan andaian yang sering dikaitkan dengan penggunaan Indelible Ink.....</i>	<i>32</i>
5.4. <i>Cara dakwat digunakan .....</i>	<i>34</i>
5.5. <i>Cadangan UPKO keatas penggunaan dakwat kekal.....</i>	<i>35</i>

<b>BAHAGIAN 6.....</b>	<b>36</b>
6. <i>TEMPOH KEMPEN</i> .....	36
6.1. <i>Pengenalan</i> .....	36
6.2. <i>Kempen: Soalnya berapa lama?</i> .....	36
6.3. <i>Cadangan UPKO</i> .....	37
<b>BAHAGIAN 7.....</b>	<b>38</b>
7. <i>AKSES MEDIA</i> .....	38
7.1. <i>Pengenalan</i> .....	38
7.2. <i>Media dan kematangan berpolitik</i> .....	38
7.3. <i>Media harus berpihak atau berkecuali?</i> .....	39
7.4. <i>Profesionalisme media massa</i> .....	40
7.5. <i>Cadangan UPKO tentang akses kepada media.</i> .....	40
<b>BAHAGIAN 8.....</b>	<b>42</b>
8. <i>DAFTAR PEMILIH</i> .....	42
8.1. <i>Keraguan Keatas Daftar Pemilih</i> .....	42
8.2. <i>Siapa yang layak menjadi pemilih?</i> .....	45
8.3. <i>Pengundi hantu</i> .....	50
8.3.1. <i>Pengundi telah meninggal</i> .....	50
8.3.2. <i>Kad pengenalan Haram</i> .....	51
8.4. <i>Projek IC</i> .....	51
8.5. <i>Cadangan UPKO</i> .....	53
<b>BAHAGIAN 9.....</b>	<b>55</b>
9. <i>PENINGKATAN PROFESIONALISME ANGGOTA KESELAMATAN DAN AGENSI PENGUATKUASA.....</i>	<i>55</i>
9.1. <i>Pengenalan</i> .....	55
9.2. <i>Pasukan keselamatan menjaga keselamatan siapa?</i> .....	55
9.3. <i>Cadangan UPKO</i> .....	56
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>57</b>
<b>LAMPIRAN - LAMPIRAN.....</b>	<b>57</b>

## **BAHAGIAN 1**

### **1. DASAR 34% KEPADA NEGERI-NEGERI BORNEO**

#### *1.1. Pengenalan*

Bahagian ini memberi ulasan dan cadangan dari sudut pandang makro mengenai pembahagian kerusi parlimentar khususnya diantara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pandangan ini adalah berdasarkan analisis yang mengambil kira faktor sejarah dan perjanjian yang ditandatangani semasa proses pembentukan Malaysia. Dasar 34% ini adalah dasar yang menjamin bilangan kerusi parlimentar di negeri-negeri Tanah Melayu tidak akan mencapai 2/3 tanpa sokongan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak.

#### *1.2. Latarbelakang*

Adalah sangat jelas bahawa berikutan cadangan Tunku Abdul Rahman Putra pada tahun 1961 di Singapur tentang pembentukan sebuah negara baru bernama Malaysia maka apabila gagasan Persekutuan Malaysia dibentuk, pemimpin-pemimpin negeri Persekutuan Tanah Melayu, Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Singapura telah bersepakat untuk mempastikan keempat-empat wilayah mempunyai jumlah perwakilan di Dewan Rakyat yang dianggap mencukupi untuk mengimbangi kuasa di antara satu dengan yang lain KHUSUS sebagai jaminan bahawa kekuatan demografi dan bilangan kerusi yang diperuntukkan untuk negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu tidak akan melebihi dua-pertiga agar sebarang pindaan perlembagaan harus disokong oleh wilayah yang lain terutama sekali peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam perkara (161A), (161B) (161C), (161D), (161E), (161F), (161G) dan (161H) Bahagian XIIA Perlembagaan Persekutuan, iaitu, Perlindungan Tambahan Bagi Negeri-Negeri Borneo dan Singapura.

Persepakatan 'jaminan' ini telah ditunjukkan di dalam dokumen No. 10760 yang ditandatangani pada 9 July 1963 di London oleh United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore.

Pindaan keatas perjanjian ini kemudiannya dilakukan dan ditandatangani di Singapura pada 28 August 1963. Perjanjian ini antara lain menyebut dalam mukasurat 21, *Chapter 3 – Parliament, Legislative Assemblies and State Constitutions*, perkara 9.

(1) *The House of Representative shall consist of one hundred and fifty-nine elected members.*

(2) *There shall be-*

- (a) *one hundred and four member from the States of Malaya;*
- (b) *sixteen members from Sabah;*
- (c) *twenty-four members from Sarawak;*
- (d) *fifteen members from Singapore*

Jelas sekali bahawa kompromi semua pihak keatas komposisi perwakilan ini adalah untuk mendukung semangat 'jaminan' yang disebutkan sebelum ini. Misalnya jumlah perwakilan dari Singapura adalah hampir sama banyak dengan Borneo Utara walaupun, saiz Singapura jauh lebih kecil. Sebaliknya jumlah perwakilan yang hampir dua pertiga dari negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu, juga adalah pengiktirafan kepada bilangan penduduknya yang lebih ramai. Dengan lain perkataan formula agihan perwakilan di parlimen yang ditandatangani pada 28 August 1963 ini adalah satu ikrar perkongsian kuasa diantara empat pihak dan dalam masa yang sama memberi jaminan bahawa faktor demografi juga diambil kira sesuai dengan semangat demokrasi berparlimen.

Formula ini sebenarnya adalah hasil terjemahan daripada saranan Suruhanjaya Cobbold, 1962 yang telah diberi mandat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk meninjau pandangan dan respon penduduk Sabah dan Sarawak tentang cadangan pembentukan Malaysia. Suruhanjaya ini dalam saranan 165 mengenai *Representation in Federal Parliament* menyebut:

*"We have mentioned in earlier Chapters the strong desire everywhere expressed that the representation of the Borneo territories in the Federal Parliament should take into account not only of their populations but also of their size and potentialities. We strongly recommend that these desires should be met"*

Formula ini telah digunakan pada Pilihanraya 1969 untuk pertama kali, tetapi apa jadi selepas itu?

### **1.3. Pilihanraya 1969 hingga 2008**

Dari segi kadar pertambahan bilangan kerusi bagi tiga wilayah rakan dalam Persekutuan Malaysia didapati dari tahun 1969 ke 2008 mendapati, Semenanjung mengalami peningkatan tertinggi iaitu 59.6%, diikuti Sabah 56.3% dan paling rendah dialami Sarawak pada kadar hanya 29.2% iaitu hanya separuh daripada kadar yang berlaku di Semenanjung (Lihat Jadual 1.1). Jelas sekali, peningkatan bilangan kerusi di Sarawak sama sekali tidak selaras dengan peningkatan yang dialami oleh Semenanjung dan Sabah dalam tempoh yang sama walaupun kadar peningkatan jumlah penduduk di Semenanjung dan Sarawak tidaklah jauh berbeza. Sebaliknya, jika sekiranya pertambahan penduduk yang luar biasa di Sabah diambil kira, iaitu pada kadar 500% bagi tempoh 1970 hingga 2005 (iaitu daripada 636,431 kepada 3,313,080) maka sudah tentu, peningkatan bilangan kerusi untuk Sabah pada kadar 56.3% dari tahun 1969 ke 2008 juga sebenarnya tidak selaras dengan alasan "peningkatan" penduduk.

**Jadual 1.1**

Peratus Peningkatan Jumlah Kerusi Parlimen Sejak Perjanjian 28 August, 1963 hingga 2008 di kalangan rakan-rakan dalam Persekutuan Malaysia

Tarikh/tahun	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Singapura	Jumlah
28 <sup>th</sup> August 1963	104	16	24	15	159
16 <sup>th</sup> September 1963	Perjanjian Malaysia Di Tandatangani				
Pilihanraya 1964	104	TM	TM	TD	104
Pilihanraya 1969	104	16	24	TD	144
Pilihanraya 2008#	166 (+59.6%)	25 (+56.25%)	31 (+29.16%)		222 (+54.16%)

# peratus peningkatan dikira dari tahun 1969.

Nota: Semenanjung 104 (65.4%), Sabah, Sarawak, Singapura= 55 (34.5%)

Analisis lanjut Jadual 1.1 juga menunjukkan, bahawa kadar peningkatan kerusi parlimen untuk negeri-negeri Borneo diantara 1969 ke 2008 adalah hanya 40% berbanding dengan kadar 59.6% di Semenanjung. Ini bermakna dalam tempoh lebih kurang 40 tahun (1969-2011), Semenanjung mengalami peratus pertambahan kerusi parlimen pada kadar 1.49% setahun berbanding, purata 1.0% bagi negeri-negeri Borneo (1.40 bagi Sabah dan 0.73% bagi Sarawak).

Jika trend ini berterusan, negeri-negeri Borneo akan terus menjadi negeri pinggiran. Satu keadaan yang bukan sahaja mengecewakan leluhur negarawan tetapi juga sebenarnya satu kegagalan generasi semasa menghormati semangat dalam Perjanjian Malaysia, 1963.

#### **1.4. Kegagalan Mengambil Kira “faktor Singapura”**

Jadual 1.2 menunjukkan sehingga PRU 12 pada Mac 2008, bilangan kerusi parliment Malaysia telah bertambah daripada 104 pada 1964 kepada 222 iaitu pertambahan sebanyak 113.5%. Namun demikian, apa yang lebih kritikal bagi negeri-negeri Borneo adalah; apakah kesan peningkatan ini keatas ketetapan dalam Perjanjian yang ditandatangani pada 28 August 1963.

**Jadual 1.2**

Pertambahan Bilangan Kerusi Parliment di kalangan rakan-rakan dalam Persekutuan Malaysia dan Kedudukan negeri-negeri Borneo sebelum dan selepas 1964.

Tahun Pilihanraya	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Singapore	S+S+S (%)	Jumlah (100%)
28 <sup>th</sup> Aug 1963	104 (65.4%)	16	24	15	34.59%	159 (100%)
1964*	104 (100%)	0	0	-		104
1969	104 (72.2%)	16	24		27.77%	144 (100%)
1974	114	16	24			154
1978						154
1982						154
1986						154
1990						177
1995						180
1999						192
2004						193
2008	166 (74.7%)	25	31		25.22%	222 (100%)

\* Sabah dan Sarawak tidak menyertai pilihanraya ini

Perjanjian 28 August 1963, menetapkan bahawa bilangan kerusi parliment yang berada di kawasan negeri-negeri Borneo dan Singapura adalah 34% sebagai satu formula jaminan kuasa 2/3 parliment hanya boleh dicapai dengan sokongan wilayah-wilayah ini. Oleh itu ketetapan Perjanjian 28 August 1963 menyaksikan 34.59% kerusi adalah terletak di tiga wilayah ‘S’.

Bagaimanapun 15 kerusi Dewan Rakyat yang diperuntukkan kepada Singapur diagihkan semula selepas keluarnya Singapura pada 1965. Ini telah menyebabkan formula jaminan 34% untuk wilayah di luar Persekutuan Tanah Melayu tidak lagi terlaksana.

Malah Sabah dan Sarawak sebagai rakan-rakan utama dalam Malaysia tidakpun dimaklumkan mengenai penyingkiran Singapura apatah lagi dibawa berunding untuk memutuskan perkara ini. Dari sudut perundangan, Perjanjian Malaysia sepatutnya dikaji semula (*review*) untuk mempastikan hak-hak rakan-rakan yang masih kckal dalam Persekutuan Malaysia dapat dinilai semula selepas Singapura disingkirkan. Malangnya, kajian semula ini tidak pernah dilakukan. Sebaliknya mantan Presiden UPKO, Dato Donald Stephen, (kemudiannya Tun Fuad Stephens) telah di singkir sebagai Ketua Menteri Sabah yang pertama kerana mempersoalkan penyingkiran Singapura daripada Persekutuan Malaysia.

Pada Pilihanraya 1969, buat pertama kalinya Sabah dan Sarawak terlibat dalam PRU tetapi bilangan kerusi yang diperuntukkan untuk Sabah dan Sarawak masih dikekalkan (40 kerusi) seperti sebelum keluarnya Singapura iaitu hanya pada kadar 27.8%.

Perkembangan ini menyaksikan, Dasar Pembentukan Malaysia yang antara lain menjamin perwakilan dari Semenanjung tidak akan melebihi 2/3 telah tergugat hanya selepas 6 tahun Perjanjian Malaysia ditandatangani. Tidak ada usaha memperbaiki keadaan ini, malah keadaan semakin buruk. Menjelang PRU ke- 6, 1974, Kerusi Dewan Rakyat bagi Semenanjung telah ditambah kepada 10 kerusi menjadikannya berjumlah 114 (74.02%) kerusi berbanding dengan hanya 40 (25.97%) bagi Sabah dan Sarawak. Akibatnya, keimbangan rakyat Sabah dan Sarawak yang dinyatakan dalam laporan Suruhanjaya Cobbold menjadi kenyataan. Suruhanjaya Cobbold mencatatkan keimbangan ini sebagai "*opponents of Malaysia have often alleged to us that the (Malaysia) project has been devised merely to help dealing with the Malaya-Singapore situation, and that North Borneo and Sarawak are being treated as political pawns*". Pada 27 Ogos, 1976 Parlimen telah bersidang dan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti 161B, 161C, 161D, 161E iaitu peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 21A (Perlindungan Tambahan bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak) masing-masing melalui Akta A514, Akta A354, Akta A354. Pindaan-pindaan ini mempunyai kesan yang amat besar bagi Sabah dan Sarawak sebab pindaan ini ada kaitan dengan penggunaan Bahasa Inggeris dan soal Kebebasan Beragama.

Terhakisnya hak-hak Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia tidak dapat dipulihkan tanpa menghormati formula jaminan 34%. Sehingga kini tidak ada tanda-tanda pemulihan

berlaku. Malah menjelang PRU ke 12 pada 2008, peratusan kerusi parlimen yang di wakili negeri-negeri Borneo adalah terus menurun kepada 25.2% atau 1/4 berbanding dengan dasar 1/3 atau sekurang-kurangnya 34%.

**Jadual 1.3**  
Formula Pembahagian Kerusi Selepas 1965 (Singapura – 15 kerusi Keluar) Mengikut 2 senario

Senario Semasa	Tahun 1969	Semenanjung 104	Sabah 16	Sarawak 24	Jumlah (%S+S) 144 (27.7%)
	2008	166	25	31	222 (25.2%)
	1969	104	+6 = 22*	+9 = 33*	159 (34.9%)
1/3 kerusi parlimen ke S + S*	2008	166 (+59.6%)			
	<b>PRU 13</b>	<b>166</b>	<b>+59.6% = 13 + 22 = 35</b>	<b>+59.6% = 19 + 33 = 52</b>	<b>253 (34.3%)</b>

\* 15 Kerusi ditinggalkan Singapura sepatutnya dibahagi pada tahun 1969 mengikut pemberat 40% = 6 kerusi untuk Sabah dan 60% = 9 kerusi untuk Sarawak. Pemberat diperolehi  $16/40$  dan  $24/40$  iaitu jumlah kerusi di Sabah dan Sarawak yang sedia ada.

Semasa Suruhanjaya Cobbold berada di Sarawak, Temenggong Jugah (kemudiannya Tun Jugah), Pemimpin masyarakat Iban berkali-kali menyuarakan "*Anang Malaysia sebaka tebu, manis di pohon, tawar di hujung*" (Janganlah Malaysia seperti tebu, manis di pangkal, semakin tawar di hujung) (*English: Malaysia should not be like the sugar cane, sweet at the head and getting less and less sweet towards the end*)

Jika pembahagian kerusi ini menjadi ukuran kepada rasa tawar-manis yang dimaksudkan Tun Jugah sudah pasti Sabah dan Sarawak sedang mengalami rasa tawar. Soalnya, apakah komitmen SPR untuk memastikan Malaysia itu terus manis?

Untuk memulihkan keadaan ini, sebarang penambahan kerusi parlimen harus memberi keutamaan kepada pematuhan dasar Perjanjian Malaysia. Formula 1/3 ditunjukkan dalam Jadual 1.3 mengikut kiraan sebenar.

Formula ini harus menjadi dasar kepada pembahagian kerusi parlimen dari dulu hingga sekarang. Formula ini sebenarnya telah mengambil kira bilangan penduduk di Semenanjung yang jauh lebih ramai dan dalam masa yang sama memberikan jaminan kepada penduduk di Sabah dan Sarawak (dan Singapura) bahawa, parlimen tidak akan digunakan oleh Negeri-Negeri Melayu

untuk meminda perlembagaan tanpa persetujuan rakan-rakan dalam Malaysia. Menurut pakar perlembagaan Prof. Shad Saleem Faruqi (2010), Perlembagaan Malaysia ini telah dipinda sebanyak 42 kali semenjak 48 tahun selepas kemerdekaan sehingga 2005. Bagaimanapun, seperti mana beberapa pindaan telah dibuat setiap kali, beliau menganggarkan bilangan sebenar pindaan individu adalah pada sekitar 650. Jika kadar jumlah pindaan keatas perlembagaan diambil kira, masyarakat Sabah dan Sarawak mempunyai sebab yang kuat untuk berasa risau dengan semakin terhakisnya kadar perwakilan mereka di Dewan Rakyat. Malah pada masa ini pun, Prof. Shad Saleem Faruqi (2010) menggambarkan semangat asal dokumen perlembagaan sebagai “telah dicairkan”.

Oleh itu, menggunakan bilangan penduduk atau pemilih sebagai satu-satunya formula untuk melakukan persempadan dan pengagihan kerusi parlimen sebenarnya satu kegagalan mengambil kira dasar Pembentukan Malaysia itu sendiri. Pendekatan jumlah penduduk ini juga seolah-olah mengukuhkan tanggapan bahawa negeri-negeri Tanah Melayu akan mendominasi Dewan Rakyat dengan menggunakan kekuatan bilangan penduduk sebagai alasan menutup dasar Pembentukan Malaysia.

Lagipun, menggunakan bilangan penduduk semata-mata mengabaikan hakikat bahawa faktor keluasan wilayah juga adalah berkaitrapat dengan kemakmuran negara khususnya yang berkaitan dengan pengurusan sumber-sumber alam. Keluasan seluruh Semenanjung hanyalah 131,598 Km<sup>2</sup> berbanding dengan Sabah (73,631 Km<sup>2</sup>) dan Sarawak (124,450 Km<sup>2</sup>). Adalah tidak adil wilayah seluas 198,081Km<sup>2</sup> diwakili oleh hanya 40 kerusi (1 kerusi : 4,952km<sup>2</sup>) berbanding 131,598Km<sup>2</sup> yang diwakili 201 (1 kerusi : 654.7 Km<sup>2</sup>). Ini bermakna, keluasan kawasan Parlimen di Sabah dan Sarawak adalah hampir lapan kali ganda lebih besar. Sebagai bandingan jika keluasan negeri atau wilayah berikut dicampurkan iaitu Pulau Pinang (1048Km<sup>2</sup>) + Melaka (1664 Km<sup>2</sup>) + Perlis (821 Km<sup>2</sup>) + Wilayah Persekutuan KL (243Km<sup>2</sup>) + Puterajaya (49 Km<sup>2</sup>) + Labuan (91 Km<sup>2</sup>) bersamaan 3916Km<sup>2</sup>, keluasan keseluruhan kawasan ini masih kekurangan hampir 1000 Km<sup>2</sup> untuk menyamai satu kawasan parlimen di Sabah dan Sarawak. Jurang perbezaan ini terlalu besar.

UPKO ingin menegaskan di sini bahawa tuntutan pertambahan Perwakilan Parlimen ke atas negeri-negeri Borneo juga adalah selaras dengan hasrat masyarakat Borneo Utara (ketika itu) dan Sarawak untuk mempercepatkan pembangunan di kedua-dua negeri ini. Sebagai sebahagian daripada anggota Suruhanjaya Cobbold, Dato Wong Pow Nee dan Enche (kemudiannya Tan Sri) M. Ghazali bin Shafie menulis dalam perenggan 201:

*"The majority of the people in Borneo have expressed their desire for Malaysia and if they are not to be frustrated and disillusioned regarding those matters on which they have placed such emphasis, for example progressive economic development, increased attention to education, upliftment of rural standard of living, and so on, the Central Government should from the outset be made to feel responsible for these matters and should be provided with the opportunity and the means to meet these rising expectations"*

UPKO percaya, menambahkan bilangan ahli parlimen daripada Sabah dan Sarawak adalah bukan hanya mengukuhkan perkongsian kuasa, tetapi juga membuka ruang untuk perkongsian ekonomi dan kemakmuran negara. Umum mengetahui kadar kemiskinan di Malaysia adalah tertinggi di Sabah dan Sarawak. Kedua-dua negeri ini juga turut mengalami indikator-indikator tahap pembangunan yang negatif seperti jangkauan kemudahan asas, kadar kenal huruf dan keciciran pendidikan. Penambahan ini adalah satu langkah strategik mengatasi indikator pembangunan negatif di Sabah dan Sarawak.

Sebaliknya, jika pertambahan kerusi-kerusi parlimen di Sabah dan Sarawak sebanyak 59.6% daripada jumlah yang ada sekarang dianggap membebankan dari segi kewangan, UPKO mencadangkan, kerusi Parlimen dari Negeri-negeri di Semenanjung boleh dikurangkan supaya kadar 34% untuk Sabah dan Sarawak dapat dicapai tanpa perlu penambahan kerusi. Malah tindakan mengurangkan kerusi parlimen di Semenanjung boleh mendatangkan penjiatan.

### **1.5. Cadangan UPKO Kepada Dasar 34%**

UPKO mencadangkan agar Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini mengambil peluang ini untuk membetulkan kesilapan lampau untuk mempastikan semangat asal Perjanjian Malaysia

dipatuhi, dihormati dan dilaksanakan untuk mengukuhkan pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu dan patriotik. Faktor penyingkiran Singapura harus diambilkira dalam agihan semula kerusi parlimen. Jika sejarah adalah landasan pembentukan sesebuah negara, maka menghormati sejarah adalah tiang seri pembinaan negara bangsa. Oleh itu, dalam persempadanan semula pilihanraya yang akan datang, agihan 34% kerusi Parliment harus diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak pada kadar 40% untuk Sabah dan 60% lagi untuk Sarawak atau 35 kerusi untuk Sabah dan 52 Kerusi untuk Sarawak. Jika bilangan kerusi Dewan Rakyat yang ada sekarang ini digunakan sebagai dasar, Sabah harus mendapat tambahan 10 kerusi dari 25 ke 35 dan Sarawak mendapat tambahan 21 kerusi dari 31 ke 52. Kadar 34% ini haruslah dikekalkan setiap kali penambahan kerusi Parliment perlu dilakukan.

## **BAHAGIAN 2**

### **2. PERSEMPADANAN KAWASAN PILIHANRAYA - BUKAN SEKADAR JUMLAH PENDUDUK**

#### ***2.1. Pengenalan***

Perbincangan bahagian ini adalah kesinambungan daripada Bahagian 1. Bahagian ini akan mengulas pendekatan jumlah pemilih yang digunakan oleh SPR dan bagaimana pendekatan ini tidak adil bagi Sabah dan Sarawak. Cadangan ini adalah berdasarkan kepada tuntutan Suruhanjaya Cobbold dan dipersetujui supaya,

*“We have mentioned in earlier Chapters the strong desire everywhere expressed that the representation of the Borneo territories in the Federal Parliament should take into account not only of their populations but also of their size and potentialities. We strongly recommend that these desires should be met”*

#### ***2.2. Latar belakang aktiviti persempadanan semula kawasan pilihanraya***

Di bawah Perkara 113(2), Perlembagaan Persekutuan, tanggungjawab bagi menjalankan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri diberikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (Jayanath Appudurai, 2010). Menurut Perlembagaan persekutuan di bawah perenggan (ii), Fasal (2) perkara 13, kajian semula persempadanan hanya boleh dibuat setelah tamat tempoh lapan tahun dengan selesainya kajian semula persempadanan sebelum itu. Dalam perenggan (iii) menyatakan, persempadanan semula juga perlu disiapkan dalam tempoh masa dua tahun. Kali terakhir dibuat ialah pada Mei 2003. Maka urusan persempadanan ini boleh dilaksanakan selepas Mei 2011.

Sejak 1952, persempadanan semula telah dilakukan sebanyak lapan kali dan banyak rungutan ditimbulkan bahawa prinsip ini (jumlah pemilih) tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak SPR.

Harus diperhatikan bahawa wajaran 15 peratus yang dipersetujui tersebut tidak digunakan selepas beberapa pindaan kepada Perlembagaan sejak tahun 1973. Kini pihak SPR menggunakan asas penentuan pemilih bagi satu-satu bahagian pilihan raya seperti Jadual 2.1 Kategori bahagian berdasarkan kajian tempatan oleh pihak SPR akan menentukan keluasan kawasan serta jumlah pemilih dalam sesuatu bahagian.

**Jadual 2.1**  
**Kriteria bagi persempadan bahagian pilihanraya**

Kategori Bahagian	Kriteria		
	Luas Kawasan	Jumlah Pemilih Bahagian Pilihanraya Parlimen	Jumlah Pemilih Bahagian Pilihanraya Negeri
Bandar	8-49 KMP	60,000 ke atas	25,000 ke atas
Separuh bandar	50-250 KMP	30,000-59,000	15,000-24,000
Luar Bandar dan pedalaman	>250 KMP	30,000 kebawah	15,000 kebawah

\*Kecuali bagi W.P, Putrajaya dan W.P Labuan

Sumber: Jayanath Appudurai (2010),

Urusan persempadan semula adalah penting supaya prinsip persamarataan dilaksanakan secara saksama. Sejajar dengan prinsip ini, bilangan pemilih di setiap bahagian pilihan raya hendaklah lebih kurang sama. Dengan itu, nilai asas sistem demokrasi yang mendukung prinsip "satu warga, satu undi" boleh dihayati. Sebagai contoh, di United Kingdom terdapat 650 bahagian yang hampir semuanya mengandungi jumlah pemilih dari 50,000 ke 79,000 orang. Persempadan dari masa kesemasa adalah juga penting dilaksanakan supaya boleh mengambilkira serta setimpal dengan kadar pertumbuhan penduduk dalam bahagian-bahagian pilihan raya tersebut. prinsip-prinsip yang digariskan di bawah Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

*"Bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya."*

Prinsip mengagihkan wajaran kepada kawasan luar bandar telah dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 di mana variasi saiz (jumlah pemilih) di antara mana-mana dua kawasan haruslah tidak melebihi 15 peratus.

### **2.3. Tatacara Persempadanan**

Bagi memahami punca masalah ketidakseimbangan antara bahagian, kita perlu meneliti prosedur yang digunakan oleh SPR dalam urusan persempadanan, seperti berikut:

- a) Arahan oleh ibu pejabat SPR kepada pengarah-pengarah pilihan raya negeri mengumpul maklumat-maklumat seperti bilangan pemilih di bahagian-bahagian, kemudahan-kemudahan baru yang ada seperti bangunan dan sekolah-sekolah dan kemudahan perhubungan dan pengangkutan;
- b) Laporan kajian semula persempadanan dengan syor awal dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri;
- c) Pada masa yang sama, suatu notis dikeluarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar dan disiarkan dalam warta, serta dipamerkan di semua bahagian-bahagian pilihan raya selama satu bulan untuk pemeriksaan dan rayuan orang ramai;
- d) SPR mengadakan siasatan tempatan untuk mendengar rayuan yang diterima dalam tempoh pameran dari mana-mana kerajaan negari, pihak berkuasa tempatan dan kumpulan 100 orang pemilih dan lebih;
- e) Sebaik sahaja selesai siasatan sebarang perubahan persempadanan harus dipamerkan semula kepada orang ramai untuk tempoh sebulan; dan
- f) Cadangan persempadanan akhir dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Jelas bahawa kebebasan dan sikap berkecuali SPR dalam urusan ini boleh dipersoal apabila cadangan persempadanan harus terlebih dahulu dikemukakan kepada Perdana Menteri sebanyak dua kali. Soalnya, apa dasar keberkecualian SPR? Kenapa SPR harus berkecuali? Jawapan kepada dua persoalan ini sudah tentu menjurus kepada kepentingan rakyat. Bukan untuk kepentingan pihak yang sedang memerintah. Tatacara yang ada sekarang tidak menampakkan kebebasan dan sikap berkecuali SPR.

#### **2.4. Cadangan UPKO keatas tatacara persempadanan dan persempadanan berdasarkan jumlah pemilih**

Dalam urusan tatacara persempadanan semula, UPKO mencadangkan agar SPR benar-benar kelihatan bebas dan berautonomi, SPR perlu bertanggungjawab terus kepada Parlimen seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Tatacara sekarang yang melibatkan Perdana Menteri boleh memberikan mesej yang salah kepada orang awam. Tatacara ini perlu dibaiki untuk menjaga nama baik dan kedudukan Perdana Menteri. Di samping mengelakkan Perdana Menteri daripada tohmahan-tohmahan negative, SPR juga dapat menipis tuduhan yang mempersoal kebebasan SPR.

Dalam penentuan persempadanan berdasarkan jumlah pemilih, UPKO berpendapat bahawa, fakta yang menunjukkan SPR sendiri didapati tidak dapat mematuhi sepenuhnya kriteria persempadanan yang ditentukan sendiri oleh SPR seperti dalam dalam Jadual 2.1, menunjukkan bahawa kriteria ini terlalu longgar dan perlu ditambah baik. Selain itu kriteria SPR tidak adil kepada Sabah dan Sarawak yang mempunyai saiz negeri yang sangat besar tetapi berpenduduk sedikit.

UPKO mencadangkan kriteria persempadanan bahagian pilihanraya untuk mengambilkira Dasar 34% dan saiz negeri adalah seperti berikut:

**Jadual 2.2**  
**Kriteria jumlah pemilih bagi persempadanan bahagian pilihanraya Semenanjung dan Sabah/Sarawak**

Kategori Bahagian	Luas Kawasan	Kriteria			
		Semenanjung		Sabah dan Sarawak	
		Parlimen	Negeri	Parlimen	Negeri
Bandar	8-49 KMP	60,000 ke atas	25,000 ke atas	40,000 keatas	18,000 keatas
Separuh bandar	50-250 KMP	30,000-59,000	15,000-24,000	20,000 – 39,000	10,000-17,000
Luar Bandar dan pedalaman	>250 KMP	30,000 kebawah	15,000 kebawah	20,000 kebawah	10,000 kebawah

UPKO juga mencadangkan, niat murni untuk memberikan “kesamarataan” tidak harus disandarkan kepada bilangan pemilih semata-mata. Ini kerana, ketetapan atau kriteria yang SPR

gunakan ini gagal mengambilkira saranan Suruhanjaya Cobbold dan persetujuan leluhur Perjanjian Malaysia bahawa faktor jumlah penduduk (pemilih) yang kecil bagi Sabah dan Sarawak sepatutnya bukan satu-satunya faktor untuk menentukan bilangan perwakilan di dua negeri ini. Kriteria yang digunakan oleh SPR adalah menggunakan faktor bilangan penduduk semata-mata dan ini tidak adil kepada Sabah dan Sarawak.

UPKO mencadangkan, penambahan kerusi dan konsep kesamarataan di sini harus menekankan faktor sejarah, saiz dan potensi negeri-negeri Borneo

## BAHAGIAN 3

### 3. PERSEMPADANAN SERAGAI ASAS REPRESENTASI KAUM

#### *3.1. Pengenalan*

Bahagian ini akan melihat bagaimana pendekatan persempadanan pilihanraya agar sistem pilihanraya di Malaysia dapat menunjukkan kelebihan negara sebagai sebuah Negara yang berbilang kaum. Pendekatan ini ingin mencadangkan, institusi pilihanraya bukan setakat manifestasi amalan demokrasi tetapi juga sebagai suara integrasi dan perpaduan kaum.

#### *3.2. Kepelbagaian kaum adalah kekuatan negara*

Jumlah sebenar etnik di Malaysia masih diperdebatkan sehingga hari ini. Adalah mudah untuk melihat pecahan-pecahan etnik di Semenanjung Malaysia tetapi tidaklah semudah itu untuk melihat rumpun-rumpun etnik di Sabah dan Sarawak. Apapun kepelbagaian etnik ini harus menjadi kekuatan negara. Industri pelancongan umpamanya telah menggunakan faktor ini sebagai “selling point” dalam risalah-risalah pelancongan. Pelancong yang datang juga tidak kecewa dengan “tag line” multibudaya di negara ini.

Namun begitu, sudah menjadi resam dalam sebuah negara demokrasi, kumpulan yang majoriti menguasai sumber-sumber (termasuk kuasa politik) manakala kumpulan minoriti seringkali terpaksa akur sebagai penonton. Suatu kelemahan yang mahu tidak mahu terpaksa ditelan oleh sistem demokrasi berparlimen di mana-mana negara. Namun ini tidak bermakna, amalan ini sempurna. Pengalaman di negara-negara yang sering bergolak menunjukkan salah satu sebab pergolakan ini adalah kerana kegagalan menangani jeritan dan keluhan golongan minoriti.

Malaysia tidak perlu menunggu pergolakan atau kebangkitan atau pemberontakan golongan minoriti. Kita sepatutnya cukup bijak untuk belajar daripada kesilapan negara-negara sering bergolak ini. Harus diingat, isu-isu ketidakpuasan golongan minoriti harus ditangani SEBELUM

isu ini merebak sehingga tidak terkawal. Sebaiknya usaha-usaha menangani perlu dilakukan sebelum isu ini menjadi satu isu.

Upko berpendapat, Institusi Demokrasi di negara ini harus berupaya mendukung kepelbagaian kaum ini. Dalam konteks ini, amalan politik perwakilan tidak terhad kepada wakil rakyat atau wakil pemilih semata-mata tetapi harus juga wakil etnik atau mungkin lebih tepat wakil kumpulan minoriti. Satu semangat kesamarataan dan lebih bermakna yang dapat mempertimbangkan kedudukan golongan minoriti. Sistem pilihanraya di negara ini boleh digunakan untuk mencapai cita-cita ini.

### ***3.3. Berlaku pengurangan sistematis kawasan-kawasan Etnik Bukan Islam di Sabah***

Namun begitu, persempadanan pilihanraya yang dilakukan pada 1995 menyaksikan komposisi ini berubah.

**Jadual 3.1**  
Perubahan Kawasan Islam dan Bukan Islam di Sabah selepas persempadanan 1993

	Bilangan Kawasan		Peratus perubahan
	Sebelum Persempadanan (1994)	Selepas Persempadanan (1995)	
Bumiputera Islam	16	27	+68%
Bumiputera Bukan Islam	18	11	-38%
Cina	8	7	-12.5%
Campuran	6	3	-50%
Jumlah	48	48	0 %

Ubahsuai daripada: Joisin Romut, 1999

Persempadanan semula yang dibuat pada 1993 dan digunakan dalam PRU ke 9 yang dibuat atas alasan yang kurang jelas menyaksikan, kawasan bumiputera Islam bertambah sebanyak 68% berbanding pengurangan sebanyak 38% untuk kawasan bumiputera Bukan Islam. Di sini kadar pertambahan dan pengurangan ini telah menafikan peluang-peluang kaum-kaum bukan Islam untuk diwakili secara adil dan saksama dalam Dewan Undangan Negeri.

Pada hari ini, kawasan pilihanraya negeri Sabah yang majoriti penduduknya bukan Islam adalah kurang daripada 30%.

Untuk rekod, pengurangan sistematik kawasan bermajoriti pengundi Bumiputera Bukan Islam antara lain melibatkan penghapusan kerusi DUN langkon dan Dun Sook. Kerajaan Negeri pada masa itu (PBS) dan masyarakat di kedua-dua kawasan telah mengemukakan bantahan keras berhubung penghapusan dua kawasan ini. Tetapi tidak dilayan oleh SPR. Soalnya, apakah justifikasi SPR dalam hal ini? Adakah pertambahan penduduk hanyak berlaku kepada satu golongan dan tidak kepada golongan yang lain? Adakah kriteria yang digunakan oleh SPR boleh berubah sesuka hati? Integriti dan kewibawaan SPR pasti menjadi kontroversi apabila bantahan yang mempunyai asas yang kukuh seperti ini dianggap SPR sebagai tidak berasas.

### *3.4. Cadangan UPKO*

UPKO mencadangkan, supaya aktiviti persempadanan semula juga mengambil kira kumpulan-kumpulan minoriti diwakili dalam Dewan Undangan Negeri dan dalam Dewan Rakyat. UPKO menyeru agar keseimbangan perwakilan bumiputera Islam dan bukan Islam di Sabah dibaiki pada kadar yang lebih menggambarkan komposisi etnik Anak Negeri Sabah sebagai satu langkah penambahbaikan daripada agihan kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah digunakan dalam pilihanraya umum tahun 1976, 1981, 1985, 1986 dan 1990. Pada analisis dan pendapat UPKO agihan kerusi dan persempadanan semula 1993 telah dipengaruhi oleh NIAT memberi kerusi kepada pemegang kad pengenalan HARAM. Cadangan ini sebenarnya menyokong semangat berkongsi kuasa dalam konteks pelbagai kumpulan etnik iaitu satu formula yang telah terbukti berjaya dalam sebuah Negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Semangat berkongsi kuasa inilah yang telah membawa negara ini mengharungi ranjau pasca kemerdekaan. Namun perkongsian kuasa harus ditunjukkan bukan setakat slogan.

## **BAHAGIAN 4**

### **4. UNDI POS DAN PENGUNDI LUAR NEGARA**

#### *4.1. Pengenalan*

Pilihan Raya di Malaysia melibatkan enam peringkat iaitu pengeluaran writ, penamaan calon, kempen pilihan raya, pembuangan undi, penjumlahan undi dan pengumuman keputusan pilihan raya. Bahagian ini akan melihat kepada peringkat pembuangan undi yang berkaitan dengan undi pos dan pembuangan (pengundi) dari luar negara. Antara proses yang berlaku pada hari mengundi yang sering diragukan ialah mengenai ketelusan pelaksanaan undi pos. Bagi tujuan ini, latarbelakang proses pengundian akan diperjelaskan dan kemudian cadangan penambahbaikan undi pos dikemukakan.

#### *4.2. Peraturan undi pos*

Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, mereka yang layak untuk mengundi secara pos adalah seperti berikut:

Mana-mana orang yang telah mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan ialah: Orang yang disebut dalam perenggan (1) (b), (d), (e) dan (f) yang berhasrat untuk mengundi melalui pos hendaklah memohon untuk berbuat demikian dengan menggunakan Borang 1 dalam Jadual. Permohonan itu hendaklah dibuat terus kepada pegawai pengurus bahagian pilihan raya tempat dia didaftarkan melalui mana-mana Pegawai Pilihan Raya Negeri sesuatu Negeri sebaik sahaja diketahui bahawa suatu pilihan raya dipertandingkan dalam bahagian pilihan raya itu.

Jika sesuatu permohonan diluluskan, pegawai pengurus hendaklah mengeluarkan suatu kertas undi pos kepada pemohon dan jika pemohonan itu tidak diluluskan, pegawai pengurus hendaklah

memberitahu pemohon sedemikian dan hendaklah menyatakan alasan-alasannya untuk tidak meluluskan permohonan itu dalam surat yang ditetapkan dalam Borang 1.

Mereka yang tidak layak mengundi secara pos adalah pemilih yang bekerja di luar negara bukan dalam sektor awam. Sementara Perenggan 3 (1) (a) Peraturan-peraturan pilihanraya (pengundian pos) 2003 menyatakan “mana-mana orang yang telah mendaftar diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah peraturan-peraturan pilihanraya (pendaftaran pemilih 2002; dan iaalah seorang pengundi tidak hadir” adalah layak untuk mengundi secara pos.

Seperkara yang menarik perhatian di sini ialah tempoh memohon hanya dibuka selepas Dewan dibubar. Jika mengambil kira trend sekarang, pilihanraya diadakan sekitar 50 hari selepas pembubaran. Ini bermakna tempoh untuk memohon menjadi pengundi pos agak terhad dan sekiranya permohonan ditolak, tidak ada ruang untuk tempoh rayuan. Faktor masa di sini wajar dipertimbangkan.

Selain itu, terdapat percanggahan diantara peraturan pilihanraya 2 (c), (d), (e) dan (f) Peraturan-peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pemilih) 2002 berhubung dengan kelayakan dan hak mengundi mereka yang bekerja diluar negara tetapi bukan dalam sektor awam DENGAN Peraturan pilihanraya Fasal (3), Perkara 119 Perlembagaan Malaysia menyatakan “seseorang hilang kelayakan untuk menjadi pemilih dalam mana-mana pilihanraya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan jika:

- (a) pada tarikh kelayakan dia ditahan sebagai orang yang tidak sempurna akal atau sedang menjalani hukuman pemenjaraan; dan
- (b) sebelum tarikh kelayakan dia telah disabitkan atas suatu kesalahan didalam mana-mana bahagian komanwel dan dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh melebihi 12 bulan dan pada tarikh kelayakan itu dia masih kena menjalani apa-apa hukuman bagi keslahan itu

**Perlembagaan Persekutuan jelas sekali tidak melihat mereka yang bekerja di luar negara sebagai satu syarat kehilangan kelayakan sebagai pemilih.** Dalam hal ini, peraturan pilihanraya 2 (c), (d), (e) dan (f) Peraturan-peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pemilih) 2002

adalah tidak sah.

#### *4.3. Undi pos - pakai atau tidak pakai?*

Terdapat tuntutan supaya SPR memansuhkan undi pos kerana kesahihan undi pos sering dipertikaikan. Menurut SPR (2011), mengundi secara pos ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dari pelbagai kor dan pangkat dan pasangan masing-masing, anggota polis dan pasangan, Pasukan Gerak Am (PGA), pegawai dan kakitangan awam serta pasangan mereka yang bertugas di luar negara menunaikan kewajipan sebagai pemilih.

UPKO berpendapat jika kesemua syarat dan peraturan ini diikuti, pengundian secara pos berjalan dengan lancar dan masalah seperti ketidakadilan dan tidak telus dapat dielakkan. Walau bagaimanapun mungkin terdapat juga masalah yang berlaku semasa dalam proses pembukaan undi pos kelak. Sehubungan dengan itu, peraturan yang sudah ditetapkan (seperti dibawah) perlu diikuti.

Orang yang berhak hadir pada masa pengeluaran kertas undi pos dan pembukaan peti undi pengundi pos: Perkara 5. (1) Tiada orang selain – (a) pegawai pengurus dan keraninya; (b) calon; (c) ejen pilihan raya atau orang yang dilantik oleh seseorang untuk hadir bagi menggantikan ejen pilihan raya; dan (d) anggota atau pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya boleh hadir pada masa prosiding pengeluaran kertas undi pos atau pembukaan peti undi pengundi pos.

Isu yang sering dibangkitkan dalam pengundian pos ialah dari segi proses pembukaan peti undi di mana undi yang dihantar melalui pos hanya dilakukan selepas semua peti undi dibuka. Berdasarkan kepada pilihan raya yang lepas ramai dikalangan rakyat yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan tindakan ini. Seakan-akan undian pos merupakan undian yang menentukan siapa yang akan memenagi dalam pilihan raya. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan supaya pembukaan peti undi melalui pos perlu dilakukan dengan tindakan berikut:

#### ***4.4. Cadangan UPKO berhubung undi pos dan pengundi luar negara***

UPKO mencadangkan, SPR mengenalpasti dan memperkemaskan proses pengundian secara pos. Isu yang sering dibangkitkan dalam pengundian pos ialah dari segi proses pembukaan peti undi di mana undi yang dihantar melalui pos hanya dilakukan selepas semua peti undi dibuka.

Berdasarkan kepada pilihan raya yang lepas ramai dikalangan rakyat yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan tindakan ini. Seakan-akan undian pos merupakan undian yang menetukan siapa yang akan memenagi dalam pilihan raya. Sehubungan dengan itu, UPKO mencadangkan supaya pembukaan peti undi melalui pos perlu dilakukan dengan tindakan berikut:

- a) Ketua tempat mengundi harus mengistiharkan kepada wakil-wakil calon tentang jumlah peti undi pos yang ada,
- b) Peti undi pos hendaklah dikira dan dijumlahkan terlebih dahulu sebelum undi biasa dikira, dan,
- c) Tidak ada undi pos diterima selepas undi biasa dikira. Sekiranya ada maka undi tersebut boleh di anggap meragukan dan mesti ditolak oleh pegawai petugas tempat pengiraan undi.

Rekomendasi di atas perlu untuk memberikan jaminan bahawa undian secara pos tidak dilihat sebagai tidak telus. UPKO percaya pengundi-pengundi pos tidak ada niat untuk mencemar institusi pilihan raya dan SPR patut bertindak agar pengundi-pengundi pos juga berpuas hati dengan kesempatan mereka menunaikan kewajipan sebagai pengundi sama seperti orang lain.

UPKO juga mencadangkan, mereka yang bekerja di luar negara juga tidak dinafikan hak mereka untuk mengundi. Perlembagaan Persekutuan Peraturan Pilihanraya Fasal (3), Perkara 119 jelas menyatakan syarat-syarat kehilangan kelayakan sebagai pemilih dan “bekerja di luar negara” tidak termasuk dalam syarat-syarat tersebut.

UPKO juga mencadangkan istilah Undi Pos diubah kepada istilah yang lebih tepat. Istilah Undi Pos seolah-olah memberikan gambaran kesemua undi pos adalah diposkan walaupun amalan sebenarnya bukan demikian.

Istilah yang dicadangkan ialah “Undi Petugas SPR” dan “Undi Petugas Keselamatan – Tentera dan Polis”

## **BAHAGIAN 5**

### **5. PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL**

#### ***5.1. Pengenalan***

Bahagian ini akan melihat isu penggunaan dakwat kekal sebagai menanda jari pengundi yang telah menunaikan kewajipan. Perkara pokok yang menjadi persoalan ialah, adakah penggunaan dakwat ini adalah salah dari sisi perlembagaan?

#### ***5.2. Pakai dakwat atau tidak?***

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 8 Ogos 2007 telah membincangkan Hukum Penggunaan Indelible Ink Dalam Pilihanraya Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa berdasarkan penjelasan dan hasil ujikaji yang telah diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang kimia serta hujah-hujah dan pandangan ahli-ahli Jawatankuasa, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Indelible Ink tidak mengandungi bahan-bahan najis yang diharamkan oleh syarak, tidak mendatangkan mudharat kepada kesihatan dan tidak menghalang air untuk sampai ke kulit apabila digunakan. Oleh itu penggunaan Indelible Ink adalah dibenarkan oleh syarak kerana Indelible Ink tidak akan menimbulkan masalah kepada ibadah umat Islam.

Maksud “Indelible Ink” dalam kata mudah adalah “Permanent Ink” atau dakwat yang tidak boleh dipadamkan atau dicuci dalam tempoh tertentu. Dakwat kekal banyak digunakan dalam kilang-kilang pembuatan seperti textile dan pencetakan sebagai alat pewarna yang kekal. Oleh itu, Indelible Ink mudah diperolehi. Bagi tujuan pilihanraya, Indelible Ink digunakan bagi menanda pengundi agar tidak berlaku pengundian berulang. Kaedah ini mudah dan murah.

Penggunaan dakwat untuk tujuan pilihanraya dalam pilihanraya di Iraq pada Januari 2005, telah dijadikan sebagai simbol pilihanraya yang lebih telus telah dilakukan. Dalam konteks, Malaysia pendekatan juga akan menjadi satu tanda atau simbol seorang warganegara telah menunaikan kewajipan sebagai pengundi. Ini adalah amat menyokong hasrat Negara untuk menyemai

semangat kenegaraan khususnya kepada generasi merdeka. Amalan menggunakan kad pengenalan semata-mata tidak memberikan bukti jelas yang membezakan mereka yang telah menunaikan tanggungjawab dengan mereka yang belum.

Dalam konteks Malaysia, isu kad pengenalan palsu masih berleluasa khususnya di negeri-negeri yang berhadapan dengan isu PATI. Tanda (dakwat) yang jelas kelihatan sedikit sebanyak akan menegah (discourage) pemegang kad pengenalan palsu daripada membuang undi kerana tanda dakwat tersebut akan mensabitkan mereka serta merta jika ditangkap selepas pilihanraya dan didapati menggunakan kad pengenalan palsu.

**Rujuk exhibit bertajuk;**

1. Pakistani: I used IC to vote twice
2. Indon tells court he voted twice

**5.3. Persoalan dan andaian yang sering dikaitkan dengan penggunaan Indelible Ink**

- a) Jika seseorang itu enggan ditanda dengan Indelible Ink, adakah ini bermakna HAK MENGUNDI beliau akan/telah ditarik? Dalam Perlembagaan Malaysia, adalah menjadi kesalahan menghalang seseorang untuk mengundi (*ultra vires*). Selain itu jika seseorang itu dihalang mengundi kerana enggan dikenakan Indelible Ink atau telah bertanda Indelible Ink pada jarinya maka perkara yang sama juga akan dipersoalkan. Perkara ini boleh diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu. Disebabkan oleh senario di atas, pilihanraya yang lepas (2008) telah membatalkan cadangan penggunaan Indelible Ink seminggu sebelum pilihanraya bermula.

**Respon UPKO:**

Oleh kerana mengundi masih tidak diwajibkan di negara ini, penarikan hilang hak mengundi tidak timbul. Mengundi adalah sukarela, maksudnya pengundi mungkin terpaksa berkorban dari segi masa, tenaga, wang ringgit, cuti, pendapatan, masa bersama keluarga, hiburan dan sebagainya untuk pergi mengundi. Jika pengundi tidak sanggup berkorban tenaga (untuk datang, berbaris, berjemur, berhujan dan sebagainya), adakah hak pengundi ditarik balik atau dinafikan? Sudah tentu tidak sebab pilihan dibuat oleh pengundi sendiri. Jika pengundi menolak untuk ditanda maka pengundi sendiri yang telah

menghalang dirinya sendiri untuk mengundi. Oleh itu tidak juga timbul isu perlembagaan. Hanya perlu penambahbaikan langkah-langkah atau prosedur membuang undi. SEKIRANYA mengundi adalah diwajibkan, maka, halangan-halangan seperti menanda dengan dakwat mungkin boleh dianggap sebagai “menghalang” seseorang daripada menunaikan kewajipannya. Dalam hal ini, isu “menghalang” tidak berlaku.

- b) Bagaimana pula jika ada yang mengatakan bahawa dia telah ditanda dengan Indelible Ink tanpa rela, bagaimanakah HAK nya pula?

**Respon UPKO:**

Soal hak mengundi mereka yang jarinya telah bertanda, juga tidak timbul kerana penggunaan dakwat di sini sebenarnya digunakan bersama-sama dengan kad pengenalan. Jika pengadu dapat membuktikan namanya belum dipotong dalam senarai pemilih, verifikasi perlu dilakukan untuk menyiasat kes-kes ‘jari bertanda’. Kes-kes cubaan menipu harus dijangkakan tetapi kelebihan penggunaan dakwat kekal tidak harus diketepikan semata-mata kerana kebimbangan cubaan menipu. Lagipun, terdapat juga kes penipuan menggunakan kad pengenalan. Adakah ini bermakna, kad pengenalan tidak patut digunakan dalam pilihanraya?

Pengadu perlu melakukan aduan rasmi kepada kaunter khas yang turut wakili oleh parti-parti yang bertanding. Verifikasi perlu dibuat atas aduan tersebut dengan memadankan senarai pemilih yang telah dan belum dipotong. Pengundi berkenaan juga harus mengisi satu borang khas yang antara lain mengisyiharkan kesahihannya dan pengakuan kesediaan untuk menghadapi pendakwaan di mahkamah jika didapati membuat perisyiharan palsu. Borang perisyiharan ini harus disimpan oleh Pengurus tempat pembuangan dan wakil-wakil parti yang bertanding harus diberikan salinan borang tersebut untuk tujuan rekod, penyiasatan dan perbicaraan mahkamah sekiranya timbul keperluan.

- c) Bagaimana siasatan hendak dibuat dalam tempoh yang singkat? Bagaimana jika ada beribu kes sebegini?

**Respon UPKO:**

Kes-kes di seluruh negara mungkin menjangkau ratusan tetapi kes ini harus dikira dan diselesaikan mengikut pembuangan undi. Jika ada kes seumpama ini berlaku, bilangannya tidaklah besar.

- d) Indelible Ink amat mudah diperolehi. Ini membawa pada satu keadaan yang mana pilihanraya boleh sabotaj dengan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan menandai golongan tertentu – warga emas misalnya yang tidak sedar akan niat jahat ini.

**Respon UPKO:**

Sabotaj adalah perkara biasa dalam pilihanraya. Kejadian sabotaj kad pengenalan juga bukan sesuatu yang terlalu asing. Adalah menjadi tanggungjawap pengundi supaya tidak menjadi mangsa. Tidak ada sistem atau kaedah yang dapat menggantikan sikap berhati-hati. Semua pihak harus bekerjasama menyedarkan orang awam bahawa tanda dilakukan SELEPAS, BUKAN SEBELUM MENGUNDI.

#### **5.4. Cara dakwat digunakan**

Ketahanan dakwat ini bergantung kepada kepada kandungan nitrat. Perundingan dengan pengeluar perlu dilakukan lebih awal supaya ketahanan dakwat sesuai dengan keperluan.

Ada tiga cara dakwat ini digunakan;

1. Teknik ‘dip’ iaitu memasukkan salah satu jari kedalam bekas yang berisi dakwat (lihat gambar 5.1)
2. Teknik ‘sapu’, menandakan salah satu jari dengan berus halus (*drawing brush*)
3. Menggunakan ‘marker’ yang menandungi dakwat kekal. Tanda (lihat gambar 5.2) diletakkan diantara kuku dan kulit. Tanda akan hilang selepas kuku tumbuh.



Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/Election\\_ink](http://en.wikipedia.org/wiki/Election_ink)

Gambar 5.1 : Menggunakan teknik sapu di Iraq



Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/Election\\_ink](http://en.wikipedia.org/wiki/Election_ink)

Gambar 5.2: Menggunakan marker di India

### *5.5. Cadangan UPKO keatas penggunaan dakwat kekal*

Penggunaan dakwat kekal adalah satu kaedah yang memperkasakan lagi sistem pilihanraya di negara ini serta menggalakkan masyarakat membuktikan mereka telah menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara dalam sebuah negara demokrasi. Kaedah ini akan memberikan lapisan perlindungan tambahan kepada ketelusan sistem pilihanraya di samping penggunaan kad pengenalan. Mungkin ada sedikit penambahan kos dan kakitangan tetapi nilai kos tambahan ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan keyakinan masyarakat terhadap institusi pilihanraya. UPKO mencadangkan penggunaan dakwat kekal digunakan untuk menanda pengundi yang telah menunaikan kewajipan.

## **BAHAGIAN 6**

### **6. TEMPOH KEMPEN**

#### ***6.1. Pengenalan***

Bahagian ini akan membincangkan tempoh berkempen yang dirasakan paling sesuai dengan mengambilkira pelbagai keadaan semasa.

#### ***6.2. Kempen: Soalnya berapa lama?***

Kempen adalah peluang untuk semua pihak yang bertanding membentangkan pencapaian, perancangan dan pendekatan yang akan digunakan sekiranya diberikan peluang untuk mewakili kawasan pilihanraya dan sekiranya diberi peluang untuk memerintah. Pengundi/ Rakyat perlukan tempoh ini supaya mereka boleh membuat keputusan yang bermaklumat (*informed decision*). Pendeknya kempen adalah satu keperluan dalam proses demokrasi.

Soalnya berapa lama? Kempen yang terlalu lama sebenarnya membebankan parti-parti yang bertanding khususnya dari segi kewangan dan logistik. Selain itu, pihak keselamatan seperti polis juga berhadapan dengan isu kawalan keselamatan selain daripada turut melibatkan kos dari segi kewangan dan sumber manusia. Dalam sesetnagh keadaan, tempoh kempen yang terlalu lama mungkin boleh menjadikan produktiviti. Kempen yang terlalu pendek pula akan menyekat peluang pengundi/rakyat untuk memikirkan dan menimbang semasak-masaknya tentang pilihan mereka sebelum membuang undi. Walaupun umum melihat kempen yang pendek lebih murah, tetapi ini tidak semestinya berlaku. Malah ada keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan kempen yang pendek menjadi lebih mahal dan lebih menyukarkan pihak-pihak yang bertanding.

Pada 1955, ketika era pemerintahan penjajah, pilihanraya mempunyai masa kempen sepanjang 42 hari. Manakala semasa Pilihanraya Umum ke-12 pada 2008, masa kempen 8 hari sahaja. Belum

ada kajian terperinci mengenai perbezaan tempoh masa ini tapi salah satu faktor yang membezakan antara kawasan ialah dari segi keluasan kawasan berkempen yang berbeza. Contoh: Sabah mempunyai kawasan yang lebih luas yang berbanding dengan kawasan Parlimen dan Negeri di Semenanjung Malaysia. Parlimen Kinabatangan misalnya adalah lebih luas daripada negeri Pahang, negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Secara rasionalnya, kawasan Sabah dan Sarawak yang lebih luas ditambah lagi dengan keadaan geografi yang berbukit-bukau memerlukan tempoh masa yang lebih lama untuk berkempen. Jika Sabah dan Sarawak diberi masa kempen yang singkat, maka tidak semua kawasan dapat dilawati terutamanya kawasan-kawasan pendalaman dan ini sudah tentu tidak memenuhi sebab keperluan kempen.

Bagaimanapun, pengundi semakin matang. Dengan bantuan teknologi maklumat yang semakin canggih, pengundi sebenarnya telah melakukan penilaian terhadap pihak-pihak yang bertanding sejak hari pertama sesebuah kerajaan ditubuhkan. Sebaliknya pula, pihak-pihak yang bertanding juga sebenarnya telah menjalankan ‘kempen’ sejak hari pertama kerajaan terbentuk sehingga pilihanraya berikutnya.

Oleh itu tempoh yang terlalu lama tidak diperlukan. UPKO berpendapat, isu tempoh kempen ditimbulkan kerana tidak ada konsistensi di peringkat SPR. Tempoh kempen adalah berbeza-beza. Misalnya tempoh kempen adalah lebih dua minggu pada PRU 1974, 1978 dan 1982. Pada PRU 1986, 1990, 1995 dan 1999 tempoh adalah diantara Sembilan ke 10 hari. PRU 2004 adalah yang terpendek dalam sejarah iaitu tujuh setengah hari sahaja.

Soal tempoh pendek atau panjang adalah persoalan relative. Pilihanraya 2008 dikatakan pendek kerana terdapat pilihanraya yang lebih awal yang lebih panjang.

### ***6.3. Cadangan UPKO***

UPKO mencadangkan supaya tempoh pilihanraya ini ditetapkan dan tidak lagi diputuskan atas budibicara SPR. Tempoh berkempen selama 10 hari haruslah dimaktubkan dalam peraturan yang diluluskan oleh parlimen. Tempoh ini dikira sesuai selepas mengambil kira kemajuan teknologi maklumat, keperluan face-to-face dengan pengundi serta mengambilkira masalah logistik khususnya untuk kawasan seperti Sabah dan Sarawak.

## **BAHAGIAN 7**

### **7. AKSES MEDIA**

#### ***7.1. Pengenalan***

Bahagian ini akan mengupas isu liputan media yang tidak adil atau tidak menyeluruh khususnya kepada parti pembangkang.

#### ***7.2. Media dan kematangan berpolitik***

Media merupakan salah satu medium untuk parti memperkenalkan perjuangan mereka dan sekaligus dapat menarik undi dalam pilihan raya. Media dapat memainkan peranan untuk menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkaitan. Tetapi lebih daripada itu, media-massa sebenarnya mengukur kematangan politik sesebuah Negara. Isu kematangan berpolitik masih menjadi tanda tanya di Malaysia. Dari satu sudut, kita mahu dipanggil matang, tetapi kita sering tidak mahu dinilai atau dibandingkan sama seperti orang yang sudah matang.

Secara umum, telah diketahui bahawa media di Malaysia adalah dikawal oleh kerajaan. Sebagai contoh, RTM dan Bernama adalah agensi media yang rasmi yang digunakan atau pro kerajaan. Media swasta pula terikat dengan pembaharuan permit penerbitan setiap tahun -- satu mekanisme kawalan yang sangat efektif untuk memastikan media kerajaan kekal pro-kerajaan dan media swasta berkecuali atau pro-kerajaan.

Akibatnya dalam konteks pilihanraya, pihak pembangkang samada kurang mendapat liputan, tidak mendapat liputan atau tidak diberi liputan. Terdapat juga rungutan tentang laporan berat sebelah, laporan putar belit, laporan palsu, laporan provokasi dan sebagainya.

Pokoknya, harus diakui kebebasan media masih menjadi topik perdebatan.

### **7.3. Media harus berpihak atau berkecuali?**

Isunya di sini ada dua;

1. Patutkah institusi media (RTM misalnya) yang dibiayai dengan cukai awam dibenarkan untuk tidak berkecuali atau adakah organisasi dan jentera kerajaan dibenarkan untuk tidak berkecuali (dalam konteks ini, menyebelahi Parti yang sedang memerintah)?

**Respon UPKO:**

Media yang dibiayai oleh cukai awam harus mewakili suara rakyat, satu Negara – samada pihak kerajaan atau pembangkang. Badan Penyiaran British (British Broadcasting Corporation- BBC) harus dijadikan bench mark kearah ini. BBC, walaupun media rasmi kerajaan, tetapi badan ini telah berjaya menampilkkan imej yang berkecuali, menyampaikan maklumat yang tepat serta memiliki etika dan profesionalisme kewartawanan yang tinggi. Maklumat BBC mempunyai darjah kepercayaan yang tinggi, mempunyai authoriti serta berkualiti.

Media rasmi kerajaan harus menyajikan maklumat yang berkecuali untuk seluruh rakyat Malaysia.

2. Sebaliknya, patutkah media swasta diberi kebebasan untuk menentukan *political leaning*?

**Respon UPKO:**

Sudah tentu, kebebasan ini bukanlah kebebasan yang tidak bertanggungjawab kerana pelbagai bentuk undang-undang yang ada sekarang telah terbukti berkali-kali mampu untuk menghukum pihak-pihak yang menyalahgunakan kebebasan media.

#### ***7.4. Profesionalisme media massa***

Agensi media ini sepatutnya memberi liputan yang seimbang dan adil untuk semua parti yang bertanding. Selain itu juga, parti politik harus dibenarkan untuk membuat pengiklanan tanpa sebarang diskriminasi dan penapisan tidak bertempat. Secara logiknya, semua parti politik perlu diberi hak untuk mendapat liputan media yang sama rata.

Pemerhatian menunjukkan, media utama sekarang perlu penambahbaikan dan perubahan agar tidak berat sebelah dan perlu bersikap neutral. Perkara yang boleh dicontohi ialah negara jiran kita iaitu Singapura dimana setiap parti yang bertanding diberikan masa 30 saat untuk membuat iklan dan kemudian wakil parti akan berucap selama 15 minit. Di sini nampak sikap adil dan bebas yang ditunjukkan oleh media TV dengan menjadi medium siaran TV sebagai alat kepada setiap parti yang bertanding untuk menyampaikan maklumat parti dan menarik minta pengundi.

Cadangan lain yang boleh dilakukan ialah, pihak media harus lebih terbuka membenarkan parti bertanding menggunakan platform media mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Media harus menjadi catalyst untuk membina debat politik yang sihat. Sebaliknya, sebagai pengamal komunikasi massa, pihak media sepatutnya sensitive dengan isu-isu semasa. Sebagai professional dalam bidang ini, media boleh meujudkan perang media yang sihat dimana perdebatan isu adalah difokuskan kepada soal dasar dan pendekatan dan bukan serangan berupa serangan peribadi.

Pokoknya, media harus membantu mematangkan politik Negara. Jika media terus dikekang, bagaimana media membantu kematangan politik?

#### ***7.5. Cadangan UPKO tentang akses kepada media***

UPKO mencadangkan supaya media diberikan kebebasan yang lebih tinggi untuk melakukan liputan secara adil. Media harus di kawal selia (*regulated*) berdasarkan undang-undang yang sedia ada dan bukan berdasarkan kelulusan permit percetakan dan sebagainya. Media yang dibiayai hasil pembayar cukai perlu berkecuali dan dikawal selia dan turut dikawal selia melalui undang-undang yang sedia ada.

UPKO juga mencadangkan, kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan mutu profesionalisme media negara ini supaya liputan-liputan politik dapat mengajak rakyat untuk sama-sama memikirkan hala tuju Negara.

## **BAHAGIAN 8**

### **8. DAFTAR PEMILIH**

#### ***8.1. Keraguan Keatas Daftar Pemilih***

Bahagian ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara yang menimbulkan keraguan keatas daftar pemilih dalam pangkalan data SPR. Pada akhir bahagian ini UPKO akan mencadangkan tindakan yang perlu diambil oleh SPR untuk memastikan data pemilih adalah tidak tercemar dan bebas daripada sebarang keraguan.

#### **Keputusan petisyen Pilihanraya DUN Likas 1999**

Isu terpenting berhubung dengan daftar pemilih berbangkit berikutan beberapa keputusan mahkamah berhubung dengan kemurnian daftar pemilih, kegiatan ‘memberi’ kad-kad pengenalan biru kepada warga asing untuk tujuan mendaftar sebagai pengundi,

Diantara keputusan mahkamah yang benar-benar menimbulkan keraguan terhadap kemurniaan seterusnya keujudan “pengundi hantu” dalam daftar pemilih ialah:

- Keputusan petisyen pilihanraya DUN Likas 1999
- Keputusan Mahkamah Tinggi Tawau ia itu, Rayuan Jenayah No T (41) 6 of 1995 , Rosaidy Landang (Perayu Pertama), Roslan Landang (Perayu Kedua), Rosli Bahira (Perayu Ketiga) Vs Pendakwa Raya sebagai Responden.
- Ada tertuduh memiliki Kad Pengenalan Palsu, berbangsa Filipina, mengaku mendapatkan Kad Pengenalan daripada Projek yang di panggil “Projek Presiden Mahathir”

Keputusan Hakim, Datuk Hj. Muhammad Kamil Bin Awang, terhadap petisyen pilihanraya Likas 1999, telah mendedahkan pencemaran daftar pemilih oleh pendatang asing yang begitu banyak dalam senarai daftar pemilih Sabah. Hakim yang sama menyatakan dalam penghakiman bertulisnya bahawa, pencemaran oleh bukan warganegara dan pengundi hantu *may well be the tip of the iceberg.*

Penghakiman bertulis oleh Hakim, Datuk Hj. Muhammad Kamil Bin Awang, juga telah mendedahkan tindakan pihak SPR yang tidak membenarkan atau menerima bantahan terhadap List A dan List B, malah tidak diadakan pendengaran awam. Merujuk kepada tindakan SPR tersebut, Hakim berkata: *"The SPR has to face the truth. The 4,585 Objections in List A were exercising their rights as citizens and it is unthinkable that the SPR should shut-off the objections in List A without a public inquiry. It is a constitutional wrong for SPR to have rejected the objections outright. More importantly, it is wrong for SPR to allow non-citizens and disqualified person to be on the electoral roll as voters. It appears that the certification of the electoral roll for the 1998 Likas Constituency by SPR ultra vires the constitution and is in fact illegal".*

**Rujuk Exhibit bertajuk;**

1. A landmark judgment on N13 Likas 1999 election petition
2. Petisyen Pilihanraya Likas

**Keputusan Mahkamah Tinggi Tawau (Rosaidy Ladang, Roslan Ladang dan Rosli Bahria Vs Pendakwa Raya)**

Perbicaraan dan seterusnya pengkahiman bertulis oleh Hakim, Ian Chin, telah mendedahkan beberapa fakta yang menzahirkan keraguan rakyat terhadap kemurnian daftar pemilih apabila wujudnya kegiatan-kegiatan haram oleh orang-orang yang ada kaitan dengan parti pemerintah sepetimana yang terkandung dalam kenyataan bersumpah, tertuduh kedua, Roslan Landang (Perayu Kedua dalam kes) seperti berikut:

*"Pada bulan September 1993 abang saya Rosaidy Landang telah bagi tahu sama saya bahawa dia telah mendapat surat perlantikan daripada Datuk Karim Ghani di KK, menyatakan mendapat arahan untuk mendaftarkan mana-mana pendatang Indonesia yang mempunyai passport yang telah tinggal di Tawau melebihi 5 tahun. Selain daripada itu Rosaidy juga diarahkan untuk mendaftar mana-mana orang yang memegang Kad Pengenalan Merah. Tujuan pendaftaran tersebut adalah untuk pengeluaran Kad Pengenalan Biru. Oleh itu Rosaidy telah minta pejabat saya nama JAYADH ENTERPRISE digunakan untuk tujuan pemndaftaran tersebut. Rosaidy juga ada membawa sama boring-borang yanposit RM50. setelah dating Tuan RM100.. Jumlah RM150. g akan digunakan untuk tujuan pendaftaran itu Rosaidy beritahu saya., boring itu diambil daripada KK. Tugas yang kami jalankan dalam pejabat saya adalah mengisi keterangan diri pemohon dan 4 keping*

*gambar bagi tiap-tiap pemohon. Pemohon yang mendaftar itu akan dikenakan bayaran deposit sebanyak RM50.00. Wang itu diambil oleh Rosaidy. Semua boring-borang yang telah siap di isi seminggu sekali akan dibawa oleh Rosiady ke Kota Kinabalu untuk tujuan membuat Kad Pengenalan. Pada kebiasaannya kad kad pengenalan biru akan siap dalam masa lebih kurang satu bulan dan kad-kad pengenalan biru itu akan diambil oleh Rosaidy daripada KK. Tiap-tiap pemohon yang telah siap I/C biru mereka dikehendaki membayar tambahan RM100.00 sebelum mendapat i/C nya. Perkara itu berterusan daripada September hingga kala kami ditangkap.*

*Pada pendapat saya itu I/C betul”.*

Kenyataan bersumpah tertuduh yang ketiga, Rosli Bahira (Perayu Ketiga dalam kes) ia itu:

*“S: Sudah berapa lamakah kegiatan membuat Kad Pengenalan oleh Rosaidy Landang dijalankan?*

*J: Sudah 3 bulan Tuan, saya diberitahu oleh Rosaidy bahawa boring permohonan Kad Pengenalan dihantar ke Kota Kinabalu pada Datuk Karim Ghani dan Jabbar Khan, lepas dua bulan, baru dapatbalik itu I/C.*

*S: Berapakah upah untuk mendapatkan sekeping Kad Pengenalan?*

*J: Deposit RM50. setelah dating tuan RM100. Jumlah RM150.*

*S: Siapakah mereka yang dating untuk mendapatkan Kad Pengenalan?*

*A: Kebanyakannya Orang Bugis dari Indonesia.*

*S: Siapakah yang mengetui kegiatan ini?*

*A: Rosiady lah Tuan, pasal dia yang suruh kami isi boring.*

Dalam penghakiman bertulis, Hakim Ian Chin menulis:

*“the instruction was to get Malaysian citizens to become UMNO member and to get them register as voters. But the 1<sup>st</sup> accused and some others had different ideas. Instead of searching fpr Malaysian, turned to large presence of Indonesian Bugis to become UMNO members and to register them as voters. Hence, the numerous UMNO membership application forms that were recovered from the office. It is obvious that the only way to get the Indonesian Bugis to become UMNO members and to be registered as voters was to procure them forged blue identity cards. Hence the recovery of hundreds of copies of HNR 6 form a form used for applying for an identity card to replace a lost one or a damaged one. Because of the RM150.00 charged for each card it is obvious that the 1<sup>st</sup> accused after receiving the letter from UMNO saw an opportunity to make a fortune. But you can not simply pull any Indonesian Bugis from the street to the office and hope to get them to make an advance payment of RM50.00 on the promise of a Malaysian blue identity card without at least some pretence of officialdom. Nothing serves that purpose better than to have the HNR 6 Form filled up in the presence of the targeted*

*person and thereafter procured his or thum-prints in the office.”*

**Rujuk exhibit bertajuk;**

1. Penghakiman Mahkamah Tinggi Tawau

**Dakwaan Pirsing Siraji (Belia Filipino) di Makhamah Majistrate Kota Kinabalu 1992**

Akhabar Borneo Mail, melapurkan sebahagian daripada prosiding perbicaraan Pirsing Siraji yang dituduh memiliki Kad Pengenalan Palsu semasa dalam Tahanan Ibu Pejabat Polis Kota Kinabalu pada 24 May, 1992, dimana tertuduh membuat pengakuan di hadapan magistrate, Duncan Sikodol bahawa, dia (Pirsing) mendapat Kad Pengenalan daripada “Projek Presiden Mahathir”. Menurut Dr.Chong En Leong, ia itu *pettessioner* dalam perbicaraan pilihanraya Likas, Kad Pengenalan yang sama telah dijadikan dan diterima sebagai bahan bukti dalam perbicaraan Petesyen Pilihanraya Likas tahun 1999 dan didaftarkan dalam daftar pemilih Sabah pada tahun 1995 dan masih lagi dalam daftar pemilih dalam tahun 2001.

UPKO yakin bahawa banyak lagi kes-kes makhamah berhubung dengan Kad-kad pengenalan yang dikatakan “Projek I/C” sebab itu UPKO mendesak pihak kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat kewujudan sebenar apakah yang dikatakan sebagai “Projek I/C” tersebut.

**Rujuk exhibit bertajuk:**

1. “Meeting captors and captives”

UPKO meminta supaya daftar pemilih dimurnikan daripada segala bentuk pencemaran daripada pemegang kad pengenalan “Projek I/C” sebelum daftar pemilih tersebut dapat digunakan dalam pilihanraya.

**Rujuk exhibit bertajuk:**

1. “Revoke these 400,000 ICs, MP tells Dewan”,
2. “Question mark over Sabah’s ‘new’ Bumiputera

**8.2. Siapa yang layak menjadi pemilih?**

(Kelayakan terpenting untuk menjadi pemilih ialah, seseorang itu hendaklah seorang

warganegara yang memiliki Kad Pengenalan Biru.)

Menurut SPR, pemilih yang layak mengundi ialah mereka yang berwarganegara Malaysia, sudah mencapai umur 21 tahun, menetap di mana-mana Bahagian Pilihan Raya yang ingin didaftarkan di Malaysia dan tidak dihalang/tidak hilang kelayakan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Hilang kelayakan di sini bermaksud: (rujuk juga bahagian 4.2 dan 4.4)

- a) pada tarikh kelayakan, ditahan kerana tidak siuman atau sedang menjalani hukuman penjara; atau
- b) sebelum tarikh kelayakan, telah didapati bersalah dan dihukum mati atau penjara untuk tempoh lebih 12 bulan dan masih menjalani hukuman pada tarikh kelayakan; atau
- c) telah didapati bersalah di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; atau
- d) telah memperoleh kerakyatan asing.

Sekiranya seseorang rakyat itu sudah mencukupi syarat yang ditetapkan oleh Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan sebagai pemilih, mereka perlulah mendaftar ke Pusat Pendaftaran untuk mendaftar. Tugas dalam mendaftarkan warganegara yang layak sebagai pemilih dalam pilihan raya ialah tugas SPR. Ini terdapat dalam Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan di mana pendaftaran pemilih ini membolehkan pemilih itu sendiri menyertai proses memilih wakil untuk menyuarakan pendapat mereka dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Adalah menjadi hak setiap warganegara yang layak untuk memilih kerajaan untuk memerintah negara melalui pemilihan wakil rakyat untuk mewakili mereka di Dewan rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri. Sebelum rakyat dibenarkan mengundi wakil rakyat pilihan mereka dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, mereka perlulah mendaftarkan nama mereka sebagai pemilih. Mereka tidak dibenarkan dan tidak boleh mengundi sekiranya nama mereka tidak disenaraikan dalam daftar pemilih.

Di sini, walaupun Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan kelayakan pengundi iaitu berumur 21 tahun, didapati terdapat juga pengundi Dalam Daftar Pemilih yang didaftarkan belum mencapai umur 21 tahun.

**Rujuk exhibit bertajuk;**

1. Register when below 21 years old.

SPR menjalankan 2 jenis pendaftaran pemilih iaitu :

- a) Pendaftaran Baru: SPR menerima permohonan warganegara yang memohon untuk mendaftar sebagai pemilih buat pertama kali.
- b) Pendaftaran Tukar Alamat dan Pusat Mengundi: SPR juga menerima permohonan pemilih berdaftar yang memohon untuk mendaftarkan alamat tempat tinggalnya yang baru. Ia dikaitkan dengan pertukaran alamat Pusat Mengundi kerana secara lazimnya, sekiranya seorang pemilih berpindah ke tempat baru, maka, Pusat Mengundinya akan ditetapkan mengikut pendaftaran alamat tempat barunya itu.

Di sini, Pendaftaran pemilih adalah HANYA warganegara sahaja. Penentuan warganegara ini di sini adalah tertakluk kepada perolehan kad pengenalan. Andaianya ialah, HANYA mereka yang mempunyai kad pengenalan adalah warganegara yang sah. Namun umum mengetahui bahawa kad pengenalan palsu atau yang dikeluarkan secara tidak sah adalah berleluasa khususnya pengeluaran kad pengenalan ‘bunga raya’. Pengeluaran atau pemalsuan kad pengenalan ‘bunga raya’ ini begitu berleluasa hingga pihak yang bertanggungjawab tidak mempedulikan ketepatan butiran yang terkandung dalam kad pengenalan.

**Rujuk Exhibit bertajuk;**

1. New I/C number does not tally date of birth as indicated in certified 1998 electoral rolls

Mengikut undang-undang pilihan raya, SPR boleh mendaftarkan 2 jenis pemilih iaitu:

- a) Pemilih Biasa: Pemilih biasa adalah pemilih berdaftar yang perlu hadir untuk mengundi di pusat-pusat mengundi semasa pilihan raya.
- b) Pengundi Tidak Hadir: Pengundi Tidak Hadir atau PTH adalah golongan pemilih yang dinyatakan dalam Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, iaitu, anggota tentera dan pasangan, anggota perkhidmatan awam yang bertugas di luar negara dan pasangan yang menetap bersamanya serta pelajar sepenuh masa yang menuntut di luar negara dan pasangan yang menetap bersamanya. PTH ini dibenarkan mengundi secara pos.

Bagi daftar pemilih, SPR telah membahagikan kepada dua pemilih iaitu pemilih biasa, pengundi tidak hadir. Untuk pemilih biasa mereka perlulah :

- a) datang sendiri ke mana-mana pusat-pusat pendaftaran;
- b) serahkan kad pengenalan anda kepada petugas SPR yang akan mengisikan borang pendaftaran anda;
- c) semak borang pendaftaran yang telah diisikan oleh petugas SPR dan pastikan semua maklumat yang diisikan adalah betul dan mengikut sebagaimana dalam kad pengenalan anda sebelum menurunkan tandatangan;
- d) menurunkan tandatangan anda selepas berpuas hati; dan
- e) dapatkan salinan borang pendaftaran dan simpan sebagai bukti sekiranya perlu untuk membuat sebarang tuntutan semasa tempoh pameran, Rang Daftar Pemilih Tambahan nanti.

Untuk pengundi tidak hadir mereka ini terdiri daripada anggota tentera dan warganegara Malaysia yang berada di Luar Negara. Pendaftaran pengundi tidak hadir dari kalangan ATM dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Arah Rekod dan Pencen - Angkatan Tentera Malaysia (JRP-ATM). Untuk mendaftar sebagai pemilih tidak hadir mereka perlu :

- a) menghubungi petugas-petugas SPR yang dilantik dari kalangan pegawai Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP);
- b) serahkan kad pengenalan tentera anda dan MyKAD (untuk pasangan) kepada petugas yang dilantik oleh SPR yang akan mengisikan borang pendaftaran anda.
- c) apabila diserahkan kembali borang yang telah diisikan, semak borang pendaftaran yang telah diisikan dan pastikan semua maklumat yang diisikan adalah betul, sebelum menurunkan tandatangan;
- d) turunkan tandatangan anda selepas berpuas hati; dan
- e) dapatkan salinan borang pendaftaran dan simpan sebagai bukti sekiranya perlu untuk membuat sebarang tuntutan semasa tempoh pameran draf Daftar Pemilih Tambahan.

Terdapat kelainan bagi pengundi tidak hadir khususnya dalam kalangan ATM ini di mana Pusat Mengundi anggota ATM dan pasangan adalah ditetapkan mengikut alamat tempat bertugas anggota ATM tersebut. Selain itu juga hanya anggota ATM dan pasangannya sahaja yang layak untuk mendaftar sebagai PTH. Anggota keluarga yang lain perlu mendaftar sebagai pemilih biasa

dan Pusat Mengundi ditetapkan menggunakan alamat kediaman pemohon (sebagaimana dalam kad pengenalan). Bagi warganegara Malaysia yang berada di Luar Negara pula, pendaftaran pengundi tidak hadir dari kalangan penjawat awam atau pelajar di luar Negara serta pasangan mereka dilaksanakan oleh pegawai-pegawai pejabat Pesuruhjaya Tinggi, Kedutaan atau Konsulat Malaysia di luar negara. Untuk mendaftar sebagai PTH (luar negara), mereka perlu:

- a) datang sendiri ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi, Kedutaan atau Konsulat Malaysia di luar negara;
- b) serahkan MyKad anda kepada petugas yang dilantik oleh SPR yang akan mengisikan borang pendaftaran anda;
- c) nyatakan alamat tempat tinggal di luar Negara anda, pekerjaan anda dan nombor siri borang A kepada petugas untuk diisikan dalam sehelai kertas A4 dan dikepaskan dengan borang pendaftaran anda.
- d) semak borang pendaftaran yang telah diisikan dan pastikan semua maklumat yang diisikan adalah betul, sebelum menurunkan tandatangan;
- e) turunkan tandatangan anda setelah berpuas hati; dan
- f) dapatkan salinan borang pendaftaran dan simpan sebagai bukti sekiranya perlu untuk membuat sebarang tuntutan semasa tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan.

